

Ekosistem terjejas punca banjir

KUALA LUMPUR – Banjir yang melanda tiga perkampungan di kawasan Batu Talam, Raub, Pahang kelmarin berkemungkinan berpunca daripada ekosistem yang terjejas dan sungai tidak mampu menampung kapasiti air seperti biasa.

Pakar Geografi dan Kajian Iklim Bandar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Datuk Dr. Shaharuddin Ahmad berkata, kerosakan ekosistem itu berlaku secara semula jadi atau akibat perbuatan manusia.

“Kerosakan ekosistem secara semula jadi terjadi setelah pokok-pokok yang sudah tua tumbuh menyebabkan struktur tanah tidak lagi kuat dan seterusnya mengakibatkan tanah terhakis.



BEKAS kawasan pembalakan yang dipercayai diteroka secara tidak sah telah ditanam dengan pokok pisang secara besar besaran di Hutan Simpan Lata Lembik, Raub.

“Sementara itu, kerosakan ekosistem akibat perbuatan manusia adalah disebabkan beberapa faktor seperti pembangunan dan penerokaan tanah bagi tujuan pertanian atau

pembalakan,” katanya ketika dihubungi semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai banjir yang melanda Perkampungan Orang Asli Pos Sa-

tak, Kampung Tersang dan Kampung Sia menyebabkan kira-kira 500 orang penduduk ditenggelami air berlumpur.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Talam, Datuk Abdul Aziz Mat Kiram (**gambar kecil**) mengesahkan aktiviti pembalakan dan penerokaan hutan menjadi antara punca tiga perkampungan itu dilanda banjir kilat.

Beliau berkata, projek tanaman semula balak sepatutnya dilakukan di kawasan pembalakan Sungai Satok selepas ia berakhir lima bulan lalu namun itu tidak berlaku.

“Ini menyebabkan air hujan yang turun tidak mampu ditampung tanah dan mengalir terus ke sungai bersama lumpur,” ujarinya.